

**PESANAN BELIAN
PURCHASE ORDER**



PEJABAT PEMBELI/COMPANY ADDRESS

NOMBOR PESANAN/PO NUMBER

PEJABAT PEMBAYARAN/PAYMENT OFFICE

TARIKH PESANAN/PO DATE

PESANAN DISEDIAKAN OLEH/PO CREATOR

**DOKUMEN PENYUMBERAN/SOURCING
DOCUMENTS
(TENDER/QUOTATION NO ETC).**

Tel.No. : / Fax No:

PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI/CONTACT PERSON

TEMPAT SERAHAN/SHIP-TO-ADDRESS

**NAMA & ALAMAT PEMBEKAL/SUPPLIER'S NAME &
ADDRESS**

TERMA BAYARAN/PAYMENT TERMS

NOMBOR PEMBEKAL/SUPPLIER NO.

TARIKH PENGHANTARAN HASIL SERAHAN/DELIVERY DATE OF DELIVERABLES

NOMBOR KONTRAK/CONTRACT NUMBER

PROJECT/ORDER/COST CENTER NO.:

DESCRIPTION:

***Please refer to the overleaf for Purchase Order Terms and Conditions. (Sila lihat Terma dan Syarat Pesanan Belian di belakang m/s ini)*

Hasil Serahan (Deliverables)	(Material Item/Serv Specs Ship Via/Tax Msg (if applicable)	Kuantiti pesanan (jika terpakai) (Order qty (if applicable))	Unit (jika terpakai/if applicable)	Deskripsi Hasil Serahan (Description of the Deliverable)s	Harga per unit (jika terpakai) Price per unit (if applicable)	Nilai bersih (Net value)

Net Price Exclusive of Tax MYR

This is a system-generated Purchase Order, no signature is required.

TERMA DAN SYARAT PESANAN BELIAN

1. TAKRIFAN DAN TAFSIRAN

1.1. Takrifan

- a) **“Syarat Kontrak”** ertinya Syarat-Syarat Am Kontrak (GCC) dan Syarat-Syarat Khusus Kontrak (PCC) TNB dan/atau apa-apa terma dan syarat lain, selain Terma dan Syarat Pesanan Belian, yang digabungkan secara nyata ke dalam atau menjadi sebahagian daripada suatu kontrak asas yang menurutnya Pesanan Belian dikeluarkan;
- b) **“Hasil Serahan”** ertinya, secara kolektif, Pembekalan Barang, Perkhidmatan dan/atau Kerja yang hendak dilaksanakan atau disediakan oleh Pembekal di bawah Pesanan Belian;
- c) **“Tarikh Penghantaran Hasil Serahan”** ertinya tarikh, pencapaian penting, jadual atau tempoh penyiapan yang dinyatakan dalam Pesanan Belian bagi penghantaran, pembekalan, pelaksanaan, penyiapan, pentauliahan, penerimaan atau pencapaian Hasil Serahan yang terpakai, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- d) **“Barang”** ertinya apa-apa produk, bahan, peralatan atau item yang hendak dibekalkan oleh Pembekal di bawah Pesanan Belian;
- e) **“Keperluan HSE”** ertinya keperluan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) yang dikenakan dan dikeluarkan oleh TNB, termasuk Garis Panduan HSE TNB untuk Pembekal (yang dilampirkan bersama sebagai **Lampiran 1**);
- f) **“LSR”** ertinya Life Saving Rules yang dikeluarkan oleh TNB;
- g) **“Keperluan LSR”** ertinya LSR yang terpakai yang menjadi sebahagian daripada Keperluan HSE;
- h) **“Pihak”** merujuk kepada sama ada TNB atau Pembekal dan **“Pihak-Pihak”** secara kolektif merujuk kepada TNB dan Pembekal;
- i) **“Borang Persetujuan PDPA”** ertinya borang persetujuan yang dinyatakan dalam Lampiran 2 kepada Terma dan Syarat Pesanan Belian ini, yang hendaklah dilengkapkan dan ditandatangani oleh setiap Personel berkaitan yang data peribadinya akan diproses berhubung dengan pelaksanaan Pesanan Belian tanpa GCC, jika berkenaan, menurut Klausula 12.1.2(iv).
- j) **“Personel”** ertinya mana-mana pekerja, pekerja kontrak, ejen atau wakil yang diambil bekerja atau dilantik oleh Pembekal atau mana-mana Subkontraktor berhubung dengan pelaksanaan Pesanan Belian tanpa GCC;
- k) **“Harga”** ertinya amaun yang kena dibayar oleh TNB kepada Pembekal bagi penyerahan Hasil Serahan, sebagaimana yang dinyatakan dalam Pesanan Belian dan tidak termasuk cukai, duti dan levi yang terpakai melainkan dinyatakan sebaliknya secara nyata dalam Pesanan Belian;
- l) **“Pesanan Belian”** ertinya dokumen yang dijana oleh sistem dan dikeluarkan oleh TNB kepada Pembekal yang menetapkan butiran komersial dan butiran lain yang terpakai kepada Hasil Serahan;
- m) **“Pesanan Belian bagi Perubahan”** ertinya suatu Pesanan Belian yang dikeluarkan oleh TNB, jika diperlukan, untuk merekodkan, melaksanakan dan memberi kesan kepada suatu Perubahan yang telah diluluskan terhadap Pesanan Belian tanpa GCC sedia ada. Sesuatu Pesanan Belian bagi Perubahan hendaklah mengenal pasti Pesanan Belian asal dan perkara-perkara yang diubah secara nyata dan hendaklah dibaca bersama serta menjadi sebahagian daripada Pesanan Belian asal. Jika dikeluarkan, Pesanan Belian bagi Perubahan hendaklah mengatasi Pesanan Belian asal hanya berhubung dengan Perubahan tersebut. Kecuali sebagaimana yang diubah secara nyata, semua peruntukan yang terpakai kepada Pesanan Belian asal hendaklah kekal tidak berubah dan terus berkuat kuasa sepenuhnya;
- n) **“Terma dan Syarat Pesanan Belian”** ertinya Terma dan Syarat Pesanan Belian;
- o) **“Pesanan Belian dengan Syarat Kontrak”** ertinya suatu rangka kerja kontraktual yang di bawahnya suatu Pesanan Belian dikeluarkan menurut suatu kontrak asas yang menggabungkan Syarat Kontrak yang terpakai;
- p) **“Pesanan Belian tanpa GCC”** ertinya suatu rangka kerja kontraktual yang, secara kolektif dan mengikut susunan keutamaan menurun, terdiri daripada Pesanan Belian, Terma dan Syarat Pesanan Belian, Dokumen Penyumberan, Perjanjian Tahap Perkhidmatan (jika ada) dan tawaran Pembekal sebagai maklum balas kepada Dokumen Penyumberan yang diterima oleh TNB;
- q) **“Perkhidmatan”** ertinya apa-apa obligasi perundingan, khidmat nasihat, profesional atau obligasi berasaskan perkhidmatan lain yang hendak dibekalkan, dilaksanakan atau disediakan oleh Pembekal di bawah Pesanan Belian, termasuk (tanpa had) apa-apa perkhidmatan sampingan atau berkaitan dengannya;
- r) **“Perjanjian Tahap Perkhidmatan”** ertinya, jika berkenaan, dokumen atau bahagian Pesanan Belian tanpa GCC yang menetapkan tahap perkhidmatan yang terpakai, standard prestasi, petunjuk prestasi utama (KPI), kredit perkhidmatan, masa tindak balas, masa penyelesaian, tempoh pembetulan, keperluan pelaporan, obligasi penyenggaraan dan sokongan, keperluan ketersediaan dan masa operasi, tatacara eskalasi, keperluan tadbir urus dan/atau keperluan prestasi lain yang hendak dicapai oleh Pembekal berhubung dengan Hasil Serahan;
- s) **“Dokumen Penyumberan”** ertinya semua dokumen yang dikeluarkan oleh TNB berkaitan dengan Proses Penyumberan, termasuk, tanpa had, dokumen tender, adendum dan/atau Minit Mesyuarat berkaitan dengan apa-apa rundingan terus, yang boleh disertakan bersama Pesanan Belian tanpa GCC sebagai **Lampiran 3**, setakat dokumen tersebut digabungkan ke dalam atau menjadi sebahagian daripada Pesanan Belian tanpa GCC;
- t) **“Proses Penyumberan”** ertinya proses penyumberan yang dijalankan oleh TNB berkaitan dengan Pesanan Belian tanpa GCC, sama ada melalui tender, rundingan terus atau apa-apa kaedah lain yang dibenarkan di bawah dasar dan tatacara perolehan TNB yang terpakai;
- u) **“Subkontraktor”** ertinya pihak ketiga yang dilantik oleh Pembekal, termasuk Personelnya, mengikut mana-mana yang dikehendaki oleh konteks, untuk melaksanakan atau menjalankan mana-mana bahagian obligasi di bawah Pesanan Belian tanpa GCC;
- v) **“Pembekalan”** ertinya penghantaran, pembekalan dan/atau penyediaan Barang oleh Pembekal;
- w) **“Pembekal”** ertinya syarikat yang dilantik oleh TNB di bawah Pesanan Belian tanpa GCC untuk menyediakan Pembekalan, Perkhidmatan dan/atau Kerja, termasuk mana-mana kontraktor, perunding, vendor atau penyedia perkhidmatan;

- x) **“TNB”** ertinya Tenaga Nasional Berhad;
- y) **“Data TNB”** ertinya apa-apa dan semua maklumat yang dijana oleh atau berada dalam Sistem TNB atau mana-mana sistem pihak ketiga, termasuk maklumat kepunyaan TNB atau mana-mana pihak lain, yang perlu dipindahkan kepada mana-mana Hasil Serahan menurut Pesanan Belian tanpa GCC, jika berkenaan;
- z) **“Sistem TNB”** ertinya sistem teknologi maklumat TNB yang sedia ada dan mana-mana sistem, komputer atau peralatan TNB yang perlu diintegrasikan dan/atau dihubungkan antara muka dengan Hasil Serahan;
- aa) **“Perubahan”** ertinya apa-apa pelarasan atau perubahan kepada Pesanan Belian tanpa GCC termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa penambahan, pengurangan atau pengubahsuaian kepada skop, kuantiti atau spesifikasi asal berhubung dengan Hasil Serahan;
- bb) **“Waranti”** ertinya, jika berkenaan, waranti, jaminan, tempoh liabiliti kecacatan, tempoh sokongan atau tempoh penyenggaraan yang terpakai kepada Hasil Serahan, sebagaimana yang ditetapkan oleh TNB dalam Pesanan Belian tanpa GCC dengan mengambil kira sifat Hasil Serahan, dan termasuk apa-apa pelanjutan, pembaharuan atau waranti gantian yang terpakai kepada mana-mana Hasil Serahan yang dibaiki, diganti, diperbetulkan atau dilaksanakan semula; dan
- cc) **“Kerja”** ertinya apa-apa obligasi pemasangan, pembinaan, fabrikasi, penyenggaraan, pentauliah, integrasi atau obligasi lain yang berkaitan dengan kerja yang hendak dijalankan atau dilaksanakan oleh Pembekal di bawah Pesanan Belian tanpa GCC, termasuk (tanpa had) apa-apa kerja sampingan atau berkaitan dengannya.

1.2. Tafsiran

Melainkan setakat yang konteks atau peruntukan nyata Pesanan Belian tanpa GCC menghendaki selainnya:

- a) apabila Pesanan Belian tanpa GCC merujuk kepada sesuatu bilangan hari, rujukan tersebut hendaklah kepada hari kalendar melainkan hari perniagaan dinyatakan;
- b) jika Pesanan Belian tanpa GCC dinyatakan dalam mata wang selain Ringgit Malaysia, apa-apa rujukan kepada Ringgit Malaysia hendaklah, melainkan dinyatakan selainnya dalam Pesanan Belian tanpa GCC, ditafsirkan sebagai amaun yang bersamaan dalam mata wang Pesanan Belian berdasarkan kadar pertukaran semasa yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pada tarikh yang berkenaan;
- c) Pesanan Belian tanpa GCC dan Terma dan Syarat Pesanan Belian dikeluarkan dalam kedua-dua versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris hendaklah mengatasi setakat percanggahan atau ketidakselarasan tersebut; dan
- d) Prinsip contra proferentem tidak terpakai bagi tujuan tafsiran atau pentafsiran Pesanan Belian tanpa GCC.

2. **PEMAKAIAN DAN KEUTAMAAN**

- 2.1. Jika sesuatu Pesanan Belian merupakan suatu Pesanan Belian dengan Syarat Kontrak, Pesanan Belian tersebut hendaklah berfungsi semata-mata sebagai instrumen pesanan bagi Hasil Serahan yang berkaitan dan Terma dan Syarat Pesanan Belian tidak terpakai. Hak, obligasi dan liabiliti Pihak-Pihak, termasuk susunan keutamaan yang terpakai, hendaklah dikawal oleh kontrak asas, Syarat Kontrak dan dokumen-dokumen lain yang menjadi sebahagian daripadanya.
- 2.2. Jika Klausula 2.1 tidak terpakai dan sesuatu penganugerahan dibuat semata-mata melalui pengeluaran Pesanan Belian tanpa GCC, Pesanan Belian dan Terma dan Syarat Pesanan Belian hendaklah mengawal hubungan kontraktual antara Pihak-Pihak. Melainkan dinyatakan sebaliknya secara nyata dalam Pesanan Belian, Pesanan Belian tanpa GCC hendaklah mula berkuat kuasa pada Tarikh PO yang dinyatakan dalam Pesanan Belian (“Tarikh Kuat Kuasa”). Hak dan obligasi Pihak-Pihak hendaklah bermula dari Tarikh Kuat Kuasa, dengan syarat bahawa permulaan, penghantaran, pelaksanaan atau penyempurnaan mana-mana Hasil Serahan hendaklah dilaksanakan mengikut tarikh, peringkat, jadual atau tempoh yang berkenaan sebagaimana dinyatakan dalam Pesanan Belian tanpa GCC.
- 2.3. Dalam keadaan yang diuraikan dalam Klausula 2.2, Pesanan Belian tanpa GCC hendaklah dibaca bersama-sama dan hendaklah terpakai mengikut susunan keutamaan menurun sebagaimana yang dinyatakan dalam takrif “Pesanan Belian tanpa GCC” dalam Klausula 1.1(p). Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan, ketidakselarasan atau ketidakpadanan antara dokumen-dokumen dalam Pesanan Belian tanpa GCC, dokumen yang mempunyai susunan keutamaan yang lebih tinggi hendaklah mengatasi setakat percanggahan, ketidakselarasan atau ketidakpadanan tersebut. Jika sesuatu Pesanan Belian bagi Perubahan dikeluarkan, Pesanan Belian bagi Perubahan tersebut hendaklah dibaca bersama-sama dengan dan menjadi sebahagian daripada Pesanan Belian serta hendaklah mengatasi Pesanan Belian terdahulu hanya berhubung dengan perkara-perkara yang diubah secara nyata di dalamnya.
- 2.4. Apa-apa terma dan syarat yang terkandung dalam atau dirujuk dalam tawaran Pembekal yang dikemukakan sebagai maklum balas kepada Dokumen Penyumberan atau mana-mana dokumen lain tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa atau kesan dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada Pesanan Belian tanpa GCC melainkan diterima secara nyata oleh TNB secara bertulis. Jika tiada penerimaan sedemikian, Pesanan Belian tanpa GCC hendaklah secara eksklusif mengawal hubungan kontraktual antara Pihak-Pihak. Sebarang dokumen yang dikeluarkan atau disediakan oleh TNB sebagai sebahagian daripada Purchase Order without GCC, termasuk, tanpa had apa-apa dokumen yang disediakan secara elektronik melalui pautan hiper (*hyperlink*), portal elektronik, sistem atau repositori, atau melalui e-mel, hendaklah disifatkan sebagai diperbadankan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Pesanan Belian tanpa GCC, tertakluk kepada turutan keutamaan yang terpakai di bawah Klausula 2.3. Pembekal hendaklah bertanggungjawab untuk mengakses dan menyemak dokumen-dokumen tersebut dan, dengan mengakui, menerima atau melaksanakan apa-apa obligasi di bawah Pesanan Belian tanpa GCC, Pembekal hendaklah disifatkan telah menerima dan bersetuju untuk terikat dengan dokumen-dokumen tersebut.

3. **AMALAN INDUSTRI DAN TERMA TAMBAHAN**

Pihak-Pihak mengakui dan bersetuju bahawa Pesanan Belian tanpa GCC hendaklah ditafsirkan dan diguna pakai dengan mengambil kira sewajarnya amalan dan kebiasaan standard yang lazim dalam industri berkaitan yang terpakai kepada hal perkara Pesanan Belian tanpa GCC, setakat amalan tersebut selaras dengan terma nyata Pesanan Belian tanpa GCC. Bagi mengelakkan keraguan, amalan industri tersebut hanya terpakai untuk menentukan standard prestasi Pembekal dan tidak boleh mengenakan apa-apa kos, liabiliti atau obligasi tambahan ke atas TNB.

4. **OBLIGASI KHUSUS DAN WARANTI PEMBEKAL**

- 4.1. Pembekal, sebagai suatu pihak profesional dalam bidangnya, memahami sepenuhnya keperluan TNB, khususnya dari segi kualiti, kos dan tempoh masa. Pembekal hendaklah menyerahkan Hasil Serahan selaras dengan standard industri dan amalan kebiasaan yang terpakai, serta mematuhi semua undang-undang, peraturan dan standard yang terpakai.
- 4.2. Pembekal hendaklah menyerahkan Hasil Serahan dengan mematuhi Pesanan Belian tanpa GCC yang mengawal hubungan antara TNB dengan Pembekal. Hasil Serahan hendaklah mematuhi standard Pertubuhan Standardisasi Antarabangsa (ISO) yang terpakai, jika berkenaan.
- 4.3. Atas permintaan TNB, Pembekal beraku janji untuk membuat Perubahan terhadap Hasil Serahan dan memberikan apa-apa dan semua maklumat mengenai Hasil Serahan (mengikut mana-mana yang terpakai). Apa-apa pengubahsuaian yang menjejaskan skop, Harga atau Tarikh Penghantaran Hasil Serahan yang dipersetujui hendaklah diuruskan menurut Klausu 22.
- 4.4. Pembekal menjamin bahawa semua Hasil Serahan hendaklah:
 - a) mematuhi keperluan, spesifikasi, lukisan, skop kerja dan standard yang dinyatakan dalam Pesanan Belian tanpa GCC dan hendaklah dilaksanakan dengan penuh ketelitian, kemahiran dan usaha wajar serta selaras dengan amalan industri yang baik;
 - b) bebas daripada kecacatan dari segi reka bentuk, mutu kerja, bahan dan prestasi;
 - c) sesuai bagi tujuan yang dimaksudkan dan berupaya mencapai keperluan prestasi yang dimaklumkan kepada atau yang semunasabahnya dijangkakan daripada Pembekal; dan
 - d) mematuhi semua undang-undang, peraturan dan standard industri yang terpakai.
- 4.5. Apa-apa tamat tempoh, penyiapan atau penamatan Pesanan Belian tanpa GCC tidak boleh menjejaskan Waranti, penyenggaraan, sokongan, liabiliti kecacatan, pembetulan, tanggung rugi atau obligasi lain yang dinyatakan secara nyata sebagai terus berkuat kuasa, atau yang menurut sifatnya dimaksudkan untuk diteruskan selepas tamat tempoh, penyiapan atau penamatan tersebut. Pembekal hendaklah terus memenuhi semua obligasi tersebut bagi tempoh yang dinyatakan dalam Pesanan Belian tanpa GCC, sebagaimana yang terpakai.

5. PEMERIKSAAN

- 5.1. Pembekal hendaklah memberikan kepada TNB, atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh TNB, hak untuk memeriksa Hasil Serahan pada bila-bila masa di tempat kerja Pembekal atau di mana-mana tempat lain Hasil Serahan tersebut berada.
- 5.2. Hasil Serahan hendaklah tertakluk kepada pemeriksaan akhir oleh TNB. Selepas pemeriksaan akhir, TNB boleh, menurut budi bicara mutlak, menerima atau menolak Hasil Serahan. Apa-apa pemeriksaan, penerimaan atau pembayaran oleh TNB tidak boleh melepaskan Pembekal daripada obligasinya atau menjadi suatu penepian terhadap apa-apa kecacatan, kekurangan atau Waranti.

6. DOKUMENTASI PENGHANTARAN

Semua penghantaran hendaklah disertakan dengan suatu pesanan penghantaran yang merujuk kepada Pesanan Belian dan apa-apa nombor rujukan lain dan/atau butiran sebagaimana yang boleh diberikan oleh TNB dan/atau mana-mana pihak ketiga yang diberi kuasa oleh TNB dari semasa ke semasa.

7. BARANG IMPORT

- 7.1. Semua Barang import (termasuk unit lengkap, komponen atau aksesori) hendaklah, jika berkenaan, diperoleh dan dikendalikan melalui panel agensi yang diluluskan oleh TNB. Kaedah INCOTERMS khusus (jika berkenaan) hendaklah dinyatakan dalam Pesanan Belian tanpa GCC melainkan dimaklumkan selainnya secara bertulis oleh TNB.
- 7.2. Apa-apa ketidakpatuhan terhadap klausu ini hendaklah menjadi suatu pelanggaran material terhadap Pesanan Belian tanpa GCC.

8. PERKHIDMATAN, PEMBEKALAN BARANG DAN KERJA YANG TIDAK MEMATUHI

- 8.1. Apa-apa Hasil Serahan yang tidak mematuhi spesifikasi, keperluan atau standard yang dinyatakan dalam Pesanan Belian tanpa GCC hendaklah ditolak oleh TNB, menurut budi bicara mutlak. Pembekal hendaklah, atas kosnya sendiri dan dalam tempoh yang semunasabahnya dikehendaki oleh TNB, membetulkan, menggantikan atau melaksanakan semula Hasil Serahan yang tidak mematuhi tersebut tanpa apa-apa kos tambahan kepada TNB.
- 8.2. Jika apa-apa kecacatan, kekurangan, kerosakan, kesilapan atau ketidakpatuhan sebagaimana yang dijamin di bawah Klausu 4.4 di atas ditemui semasa tempoh Waranti, Pembekal hendaklah, atas kosnya sendiri dan dalam tempoh yang ditetapkan secara munasabah oleh TNB, membaiki, menggantikan, membetulkan atau melaksanakan semula Hasil Serahan yang terjejas sehingga memuaskan hati TNB.

9. PENGINVOISAN

Semua invois hendaklah menyatakan dengan jelas nombor Pesanan Belian dan apa-apa nombor rujukan lain dan/atau butiran sebagaimana yang boleh diberikan oleh TNB atau mana-mana pihak yang diberi kuasa dari semasa ke semasa, dan hendaklah dikemukakan kepada pejabat pembayaran yang ditetapkan dalam Pesanan Belian atau melalui sistem e-Invois yang terpakai, jika berkenaan.

10. CUKAI DAN DUTI SETEM

- 10.1. Melainkan dinyatakan selainnya oleh TNB, semua amaun yang dinyatakan dalam Pesanan Belian tanpa GCC adalah tidak termasuk apa-apa cukai, duti atau levi yang terpakai, melainkan dinyatakan secara nyata sebagai termasuk cukai, duti atau levi tersebut.
- 10.2. TNB berhak memotong apa-apa cukai pegangan yang terpakai selaras dengan undang-undang percukaian Malaysia, melainkan dipersetujui selainnya secara bertulis. Pembekal hendaklah memberikan semua dokumen yang diperlukan untuk menyokong apa-apa pelepasan triti yang terpakai atau kadar cukai pegangan yang dikurangkan.
- 10.3. Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang percukaian Malaysia yang terpakai dan semua keperluan berkaitan, termasuk pengenaan dan perakaunan yang sewajarnya bagi Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) serta apa-apa cukai tidak langsung, duti atau levi lain yang terpakai, jika berkenaan.
- 10.4. Setiap Pihak hendaklah menanggung dan membayar fi guaman dan perbelanjaannya sendiri berhubung dengan penyediaan dan pemuktamadan Pesanan Belian tanpa GCC. Semua duti setem yang kena dibayar berhubung dengannya hendaklah ditanggung oleh TNB.

11. KEPERLUAN HSE DAN PEMATUHAN LSR

Pembekal hendaklah pada setiap masa mematuhi semua Keperluan HSE dan LSR serta memastikan bahawa semua Personel dan Subkontraktor mematuhi keperluan tersebut.

12. PEMATUHAN TERHADAP UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI

- 12.1. Pembekal menjamin bahawa ia hendaklah mematuhi semua undang-undang, dasar kerajaan, serta semua arahan, perintah, keperluan dan petunjuk yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa atau pihak berkuasa kompeten di bawah mana-mana undang-undang dan peraturan yang terpakai dan boleh dikuatkuasakan di Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada: -

12.1.1. Antirasuah dan Integriti

- i. Pembekal hendaklah mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("**Akta SPRM**"), termasuk semua undang-undang antirasuah yang terpakai, dasar antirasuah TNB sebagaimana yang boleh dimaklumkan dari semasa ke semasa, dan semua kod, dasar dan garis panduan terpakai yang dikeluarkan oleh TNB berkaitan dengan etika, integriti dan perolehan mampan, termasuk **Tatakelakuan Perolehan Mampan** yang dikeluarkan oleh TNB ("**Tatakelakuan**"), sebagaimana yang boleh dipinda dari semasa ke semasa dan disediakan di laman sesawang rasmi TNB (<https://www.tnb.com.my>) atau selainnya dimaklumkan kepada Pembekal.
- ii. Pembekal hendaklah memastikan bahawa pekerja, wakil, ejen dan/atau Subkontraktornya yang terlibat dalam pelaksanaan Hasil Serahan mematuhi terma Pesanan Belian tanpa GCC dan hendaklah dengan segera memaklumkan TNB secara bertulis apabila menyedari apa-apa pelanggaran sebenar atau yang disyaki.
- iii. Sekiranya TNB mempunyai syak yang munasabah mengenai apa-apa perbuatan rasuah, sogokan atau suapan, TNB boleh menjalankan, melantik pihak ketiga untuk menjalankan, atau mengarahkan Pembekal untuk menjalankan suatu penyiasatan mengikut cara yang boleh ditetapkan oleh TNB.

12.1.2. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA")

- i. Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai di Malaysia berkaitan dengan data peribadi, termasuk PDPA dan apa-apa garis panduan, kod atau pindaan yang terpakai terhadapnya. Pembekal hanya boleh mengumpul, menggunakan, memproses, menyimpan, memindahkan dan/atau menzahirkan data peribadi yang diberikan oleh atau diperolehi daripada TNB bagi tujuan melaksanakan obligasinya di bawah Pesanan Belian tanpa GCC dan hendaklah melaksanakan langkah keselamatan yang sewajarnya untuk melindungi data peribadi tersebut daripada akses, penzahiran, pengubahan, kehilangan atau pemusnahan tanpa kebenaran. Apabila Pesanan Belian tanpa GCC tamat tempoh atau ditamatkan, Pembekal hendaklah melupuskan dengan selamat semua data peribadi yang diberikan oleh TNB dan memberikan pengesahan bertulis mengenai pelupusan tersebut. Pemprosesan data peribadi hendaklah tertakluk kepada Dasar Perlindungan Data Peribadi TNB, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.
- ii. Pembekal hendaklah memaklumkan TNB secara bertulis tanpa kelengahan yang tidak wajar, dan dalam apa jua keadaan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas menyedari atau semunasabahnya sepatutnya menyedari apa-apa pelanggaran data peribadi yang timbul di bawah Pesanan Belian tanpa GCC. Pembekal hendaklah memberikan segala bantuan yang munasabah kepada TNB bagi mematuhi obligasinya di bawah PDPA, termasuk pemberitahuan kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dan subjek data yang terjejas, jika berkenaan. Pemberitahuan tersebut hendaklah merangkumi butiran pelanggaran, kesan yang berkemungkinan timbul, serta langkah pemulihan yang telah atau dicadangkan untuk diambil.
- iii. Pembekal tidak boleh melantik mana-mana subpemproses, subkontraktor, pembekal, ejen atau pihak ketiga untuk memproses data peribadi atau melaksanakan mana-mana bahagian Hasil Serahan tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada TNB. Jika persetujuan diberikan, Pembekal hendaklah memastikan bahawa pihak tersebut terikat dengan obligasi yang tidak kurang ketat daripada obligasi yang terpakai kepada Pembekal di bawah Pesanan Belian tanpa GCC. Pembekal kekal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perbuatan, peninggalan, kemungkiran dan pematuhan pihak tersebut.
- iv. Sebelum melaksanakan apa-apa Hasil Serahan di premis dan/atau tapak TNB, Pembekal hendaklah mendapatkan persetujuan bertulis secara nyata daripada setiap Personel yang berkaitan bagi pemprosesan data peribadi dengan melengkapkan dan menandatangani Borang Persetujuan PDPA yang dinyatakan dalam Lampiran 2, atau apa-apa borang lain sebagaimana yang dipinda atau ditetapkan oleh TNB dari semasa ke semasa. Pembekal hendaklah memastikan bahawa Borang Persetujuan PDPA yang telah dilengkapkan dengan sewajarnya dikemukakan kepada TNB sebelum Personel tersebut memulakan apa-apa aktiviti di premis dan/atau tapak TNB.

12.1.3. Akta Keselamatan Siber 2024 ("CSA")

- i. Pembekal hendaklah mematuhi CSA, termasuk tetapi tidak terhad kepada obligasi berkaitan dengan perlindungan infrastruktur maklumat kritikal negara dan pelaporan Insiden Keselamatan Siber (sebagaimana yang ditakrifkan dalam CSA) (jika berkenaan).
- ii. Pembekal hendaklah mengekalkan langkah teknikal dan organisasi yang munasabah untuk melindungi kerahsiaan dan integriti Data TNB dan Sistem TNB termasuk tetapi tidak terhad kepada: -
 - a. penilaian kerentanan secara berkala;
 - b. pelaksanaan tampalan keselamatan dan kemas kini dengan segera;
 - c. penyulitan data dalam simpanan dan semasa penghantaran;
 - d. kawalan akses untuk mengehadkan akses kepada personel yang diberi kuasa; dan
 - e. pemantauan dan pengelogan berterusan terhadap aktiviti sistem dan rangkaian.
- iii. Sekiranya berlaku suatu Insiden Keselamatan Siber (sebagaimana yang ditakrifkan dalam CSA), Pembekal hendaklah:
 - a. memaklumkan TNB dalam tempoh dua (2) jam selepas menyedari insiden tersebut dan memberikan semua maklumat yang diperlukan bagi membolehkan TNB mematuhi obligasi pemberitahuan statutori di bawah CSA dan mana-mana undang-undang lain yang terpakai;

- b. mengambil langkah serta-merta untuk membendung dan mengurangkan kesan insiden tersebut dengan mematuhi secara ketat amalan terbaik industri berkaitan, kod amalan yang ditetapkan oleh TNB, serta apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah CSA dan mana-mana undang-undang lain yang terpakai;
 - c. memberikan kerjasama sepenuhnya kepada TNB dan mana-mana pihak berkuasa berkaitan dalam menyiasat dan memberikan respons terhadap insiden tersebut; dan
 - d. memberikan laporan insiden terperinci dalam tempoh tujuh (7) hari, termasuk analisis punca asas dan tindakan pembetulan yang telah dilaksanakan.
- iv. Pembekal hendaklah memastikan bahawa mana-mana Subkontraktor, ejen atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik berkaitan dengan Hasil Serahan mematuhi obligasi dan standard keselamatan siber yang sama sebagaimana yang dinyatakan dalam klausa ini, dan Pembekal hendaklah kekal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa-apa perbuatan, peninggalan atau ketidakpatuhan Subkontraktor, ejen atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga tersebut.
- 12.2. Pembekal hendaklah memberikan segala bantuan yang munasabah dan perlu untuk membolehkan TNB mematuhi obligasi statutorinya berhubung dengan Data TNB, termasuk apa-apa keperluan pemberitahuan, pelaporan atau keperluan lain yang terpakai kepada pihak berkuasa yang berkaitan.
- 12.3. TNB, orang yang ditetapkannya, orang yang dilantik dan/atau wakilnya berhak, setelah memberikan notis bertulis terlebih dahulu yang munasabah, untuk menjalankan pemeriksaan bagi mengesahkan pematuan Pembekal terhadap mana-mana undang-undang yang terpakai berkaitan dengan Pesanan Belian tanpa GCC.

13. PENSIJILAN KESELAMATAN (NTSP)

Pembekal hendaklah memastikan bahawa semua Personel dan Subkontraktor mematuhi keperluan NIOSH TNB Safety Passport (NTSP) dan mengambil semua langkah berjaga-jaga keselamatan yang perlu selaras dengan Pesanan Belian tanpa GCC dan undang-undang yang terpakai. Pembekal hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan, kesihatan dan perlindungan Personel dan Subkontraktornya, serta semua peralatan, perkakas dan bahan yang digunakan dalam pelaksanaan obligasinya di bawah Pesanan Belian tanpa GCC.

14. KERAHSIAAN

- 14.1. Semua maklumat atau data yang boleh dipertukarkan antara Pihak-Pihak berkaitan dengan Hasil Serahan, sama ada dalam bentuk bertulis, lisan, elektronik atau apa-apa bentuk lain, hendaklah dianggap sebagai sulit sepenuhnya ("**Maklumat Sulit**").
- 14.2. Tiada Pihak boleh menzahirkan, menggunakan atau membenarkan penzahiran apa-apa Maklumat Sulit kepada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Pihak yang menzahirkan, kecuali: -
- a) jika penzahiran atau penggunaan tersebut adalah perlu bagi tujuan melaksanakan obligasinya di bawah Pesanan Belian tanpa GCC;
 - b) jika Maklumat Sulit tersebut tersedia atau menjadi tersedia kepada orang awam selain melalui suatu pelanggaran Pesanan Belian tanpa GCC;
 - c) jika penzahiran dikehendaki oleh mana-mana undang-undang yang terpakai, dengan syarat Pihak penerima, setakat yang dibenarkan di sisi undang-undang, memberikan notis bertulis dengan segera kepada Pihak yang menzahirkan; atau
 - d) kepada penasihat profesionalnya secara ketat atas dasar perlu tahu bagi tujuan Pesanan Belian tanpa GCC.
- 14.3. Setiap Pihak hendaklah memastikan bahawa pekerja, ejen dan penasihat profesionalnya mematuhi klausa ini. Obligasi di bawah klausa ini hendaklah terus berkuat kuasa selepas tamat tempoh atau penamatan Pesanan Belian tanpa GCC.

15. INSURANS

- 15.1. Pembekal hendaklah, atas kosnya sendiri, mendapatkan dan mengekalkan, dengan suatu syarikat insurans yang solven dan bereputasi baik, semua polisi insurans yang dikehendaki di bawah Pesanan Belian tanpa GCC. Jika tiada keperluan insurans khusus ditetapkan, Pembekal hendaklah mendapatkan dan mengekalkan perlindungan insurans yang memenuhi keperluan insurans minimum TNB (sebagaimana yang dinyatakan oleh TNB dalam Pesanan Belian tanpa GCC) dan mencukupi untuk melindungi obligasi, liabiliti dan risiko Pembekal yang timbul daripada atau berkaitan dengan Hasil Serahan, termasuk, jika berkenaan, liabiliti awam, liabiliti majikan atau pampasan pekerja, tanggung rugi profesional, liabiliti siber atau pelanggaran data, serta apa-apa insurans lain yang semunasabahnya diperlukan dengan mengambil kira sifat dan risiko Hasil Serahan. Insurans tersebut hendaklah sah dan terus berkuat kuasa sepenuhnya sebelum pelaksanaan Hasil Serahan bermula atau penerimaan apa-apa barang yang dibekalkan secara percuma (jika ada), dan sepanjang tempoh Pesanan Belian tanpa GCC.
- 15.2. Pembekal hendaklah mematuhi semua terma dan syarat polisi insuransnya dan hendaklah atas permintaan TNB, memberikan bukti dokumentari mengenai insurans tersebut. Bagi mengelakkan keraguan, kewujudan mana-mana polisi insurans, pengemukaan apa-apa tuntutan insurans, atau penerimaan apa-apa hasil insurans tidak boleh melepaskan, mengehendak atau selainnya menjejaskan obligasi, liabiliti atau tanggung rugi Pembekal di bawah Pesanan Belian tanpa GCC. Apa-apa pertanyaan berkaitan keperluan insurans boleh dirujuk kepada Jabatan Insurans & Pengurusan Risiko TNB melalui e-mel: insuranprojek@tnb.com.my.

16. TANGGUNG RUGI

Pembekal hendaklah bertanggungjawab terhadap dan menanggung rugi sepenuhnya TNB, termasuk para pengarah dan pekerjanya, daripada apa-apa dan semua liabiliti, kerosakan, kerugian, tuntutan, kos dan prosiding yang timbul daripada atau berkaitan dengan:

- a) apa-apa ketidakpatuhan terhadap terma dan syarat Pesanan Belian tanpa GCC;
- b) apa-apa pelanggaran, kemungkiran, kecuaiian atau salah laku sengaja Pembekal; atau
- c) apa-apa kematian, kecederaan diri atau kerosakan harta benda yang dialami oleh TNB, pekerjanya atau mana-mana pihak ketiga;

sama ada disebabkan oleh Pembekal, Personelnya dan/atau Subkontraktor.

17. REMEDI

- 17.1. TNB berhak mengenakan ganti rugi kelewatan dan/atau kredit perkhidmatan bagi apa-apa kegagalan, kelewatan atau ketidakpatuhan oleh Pembekal, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Pesanan Belian tanpa GCC atau sebagaimana yang dimaklumkan selainnya oleh TNB.

17.2. Sekiranya Pesanan Belian tanpa GCC tidak memperuntukkan secara nyata remedi terpakai tersebut berkaitan dengan Hasil Serahan, TNB berhak mengenakan remedi yang berikut: -

- a) jika Hasil Serahan merangkumi Pembekalan Barang, Perkhidmatan dan/atau Kerja, TNB berhak mengenakan ganti rugi kelewatan sebanyak 0.15% daripada nilai bahagian Hasil Serahan yang lewat bagi setiap hari, atau Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sehari (atau, jika Pesanan Belian dinyatakan dalam mata wang asing, amaun yang bersamaan dalam mata wang asing tersebut menurut Klausula 1.2(b) Terma dan Syarat Pesanan Belian), mengikut mana-mana yang lebih tinggi, tertakluk kepada maksimum lima belas peratus (15%) daripada nilai bahagian Hasil Serahan yang lewat. Ganti rugi kelewatan tersebut hendaklah dikira dari hari selepas tarikh matang sehingga tarikh penyiapan sebenar atau, jika Hasil Serahan atau Pesanan Belian tidak disiapkan, tarikh kuat kuasa penamatan Pesanan Belian tanpa GCC menurut Klausula 20;
- b) jika Hasil Serahan merangkumi Perkhidmatan yang tertakluk kepada Perjanjian Tahap Perkhidmatan, TNB berhak mengenakan kredit perkhidmatan selaras dengan tahap perkhidmatan dan keperluan terpakai yang dinyatakan di dalamnya sebagaimana yang dipersetujui antara TNB dengan Pembekal; dan/atau
- c) memotong, menahan atau menolak selesai apa-apa ganti rugi kelewatan yang kena dibayar oleh Pembekal daripada apa-apa wang yang kena dibayar atau akan kena dibayar kepada Pembekal di bawah Pesanan Belian tanpa GCC. Jika amaun ganti rugi kelewatan melebihi wang yang tersedia untuk potongan, tahanan atau tolakan selesai tersebut, baki itu hendaklah menjadi suatu hutang yang telah genap masa dan kena dibayar oleh Pembekal kepada TNB. Pembekal hendaklah membayar amaun tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh tuntutan bertulis TNB, dan jika gagal berbuat demikian, TNB berhak melaksanakan apa-apa hak atau remedi yang tersedia di bawah Pesanan Belian tanpa GCC atau di sisi undang-undang.

17.3. Pihak-Pihak mengakui dan bersetuju bahawa ganti rugi kelewatan yang dinyatakan dalam klausula ini merupakan suatu amaun kerugian yang tulen dan munasabah yang berkemungkinan dialami oleh TNB akibat kelewatan Pembekal. Ganti rugi kelewatan tersebut hendaklah kena dibayar tanpa keperluan bagi TNB untuk membuktikan kerugian sebenarnya. Pembayaran, pemotongan atau pemerolehan semula ganti rugi kelewatan tidak boleh melepaskan Pembekal daripada obligasinya untuk menyiapkan Hasil Serahan selaras dengan Pesanan Belian tanpa GCC dan tidak boleh menjejaskan apa-apa hak, remedi, obligasi atau liabiliti lain Pihak-Pihak di bawah Pesanan Belian tanpa GCC atau di sisi undang-undang.

18. HARTA INTELEK

- 18.1. Semua hak harta intelek yang diilhamkan, dihasilkan atau dijana oleh Pembekal semasa pelaksanaan Pesanan Belian tanpa GCC hendaklah, sebaik sahaja diwujudkan, terletak hak pada dan menjadi hak milik tunggal dan mutlak TNB, melainkan dipersetujui selainnya oleh Pihak-Pihak secara bertulis.
- 18.2. Pembekal dengan ini menyerahkan hak secara tidak boleh ditarik balik, dan hendaklah mendapatkan penyerahhakan, semua hak, hak milik dan kepentingan terhadap harta intelek tersebut kepada TNB, termasuk semua hak harta intelek semasa dan pada masa hadapan di dalamnya, tanpa apa-apa balasan lanjut.

19. FORCE MAJEURE

- 19.1. Tiada Pihak bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam melaksanakan obligasinya di bawah Pesanan Belian tanpa GCC setakat kegagalan atau kelewatan tersebut disebabkan oleh suatu Peristiwa Force Majeure. "**Peristiwa Force Majeure**" ertinya apa-apa peristiwa di luar kawalan munasabah Pihak yang terjejas yang menghalang, menjadikan menyalahi undang-undang atau secara material merencatkan pelaksanaan obligasinya, termasuk tetapi tidak terhad kepada peperangan, keganasan, tindakan kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia, bencana alam, wabak atau pandemik, rusuhan, mogok, gangguan perindustrian, pencemaran nuklear atau kimia, serta perintah sekatan pergerakan atau sekatan lain.
- 19.2. Sesuatu Pihak yang memohon pelepasan akibat Peristiwa Force Majeure hendaklah dengan segera memaklumkan Pihak yang satu lagi mengenai peristiwa tersebut, termasuk butiran munasabah mengenai kesannya dan jangkaan tempohnya, mengambil langkah munasabah untuk mengurangkan kesannya, dan memaklumkan Pihak yang satu lagi apabila pelaksanaan obligasinya disambung semula.
- 19.3. Pihak yang terjejas hanya akan dilepaskan daripada obligasinya setakat dan bagi tempoh yang terjejas oleh Peristiwa Force Majeure, dengan syarat bahawa perkara ini tidak melepaskan apa-apa obligasi untuk membayar amaun yang telah kena dibayar atau mematuhi apa-apa keperluan notis yang terpakai di bawah Pesanan Belian tanpa GCC.
- 19.4. Jika Peristiwa Force Majeure berlaku dan berterusan, Pihak-Pihak hendaklah, seberapa segera yang praktikal, membincangkan langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan kesannya.
- 19.5. Jika Peristiwa Force Majeure berlaku dan berterusan bagi suatu tempoh yang ditentukan oleh TNB sebagai menjejaskan secara material pelaksanaan Hasil Serahan atau keperluan operasi TNB, TNB boleh menamatkan Pesanan Belian tanpa GCC dengan serta-merta atau pada tarikh sebagaimana yang boleh dinyatakan oleh TNB dalam notis bertulisnya kepada Pembekal (yang mana obligasi maksimum TNB hendaklah terhad kepada nilai kerja yang telah diperakui).

20. PENAMATAN

- 20.1. Mana-mana Pihak boleh menamatkan Pesanan Belian tanpa GCC melalui notis bertulis kepada Pihak yang satu lagi jika Pihak yang satu lagi:
 - a) melanggar mana-mana peruntukan Pesanan Belian tanpa GCC dan, jika pelanggaran tersebut boleh dipulihkan, gagal memulihkan pelanggaran tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari penerimaan notis bertulis yang menghendaki pelanggaran tersebut dipulihkan, atau dalam apa-apa tempoh lain sebagaimana yang boleh dinyatakan dalam notis dengan mengambil kira sifat, keterukan dan kesegeraan pelanggaran tersebut; atau
 - b) secara berterusan melanggar obligasinya di bawah Pesanan Belian tanpa GCC.
- 20.2. TNB berhak menamatkan Pesanan Belian tanpa GCC dengan serta-merta melalui notis bertulis jika Pembekal (a) menjadi bankrap atau tidak solven, memasuki penggulangan, dikenakan suatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran, membuat apa-apa pengatutan atau kompromi dengan pemiutangnya, atau menjalankan perniagaan di bawah seorang penerima, pemegang amanah atau pengurus bagi manfaat pemiutangnya, atau jika apa-apa perbuatan dilakukan atau peristiwa berlaku yang mempunyai kesan yang serupa di bawah undang-undang yang terpakai; atau (b) mana-mana pekerja, pengarah atau ejennya disabitkan oleh mahkamah undang-undang atas apa-apa amalan rasuah, cara tidak adil atau aktiviti menyalahi undang-undang berkaitan dengan Pesanan Belian tanpa GCC atau mana-mana kontrak lain yang dibuat antara Pembekal dengan TNB.
- 20.3. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, TNB berhak menamatkan Pesanan Belian tanpa GCC atas kemudahan dan tanpa sebab dengan memberikan notis bertulis mengenai penamatan tersebut kepada Pembekal. Penamatan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis, dengan mengambil kira sifat, nilai dan keperluan operasi Pesanan Belian.

- 20.4. Pembekal tidak boleh membatalkan, menarik balik, merungkai, menolak, menggantung, meninggalkan atau selainnya enggan melaksanakan Pesanan Belian tanpa GCC, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, kecuali sebagaimana yang dibenarkan secara nyata di bawah Pesanan Belian tanpa GCC atau dengan persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada TNB. Apa-apa tindakan sedemikian hendaklah menjadi suatu pelanggaran material terhadap Pesanan Belian tanpa GCC dan memberi hak kepada TNB untuk menamatkan Pesanan Belian tanpa GCC dengan serta-merta.
- 20.5. Apabila Pesanan Belian tanpa GCC ditamatkan: -
- a) Pembekal hendaklah mengembalikan kepada TNB atau memusnahkan dengan selamat semua Maklumat Sulit dan harta TNB (termasuk salinannya) dengan serta-merta atau dalam apa-apa tempoh munasabah sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh TNB; dan
 - b) TNB hendaklah membayar Pembekal bagi apa-apa Barang yang telah dihantar dan diterima, atau Perkhidmatan atau Kerja yang telah dilaksanakan dengan sewajarnya dan diterima, sehingga tarikh kuat kuasa penamatan.
- 20.6. Pembekal hendaklah dengan segera membayar balik kepada TNB apa-apa bayaran pendahuluan yang diterima bagi apa-apa Barang yang belum dihantar, atau Kerja atau Perkhidmatan yang belum dilaksanakan pada tarikh kuat kuasa penamatan.
- 20.7. Penamatan Pesanan Belian tanpa GCC tidak boleh menjejaskan apa-apa hak, remedi, tuntutan, liabiliti atau obligasi yang telah terakru sebelum tarikh kuat kuasa penamatan. Tanpa menjejaskan perkara yang dinyatakan terdahulu, TNB kekal berhak memperoleh semula apa-apa ganti rugi kelewatan, kredit perkhidmatan, kos, kerugian, ganti rugi, pampasan atau apa-apa jumlah lain yang terakru atau timbul sebelum penamatan, sama ada amaun tersebut ditaksir, ditentukan atau dituntut sebelum atau selepas tarikh penamatan.
- 20.8. Tanpa menjejaskan apa-apa hak atau remedi lain yang tersedia kepada TNB di bawah Pesanan Belian tanpa GCC atau di sisi undang-undang, TNB boleh, berikutan penamatan Pesanan Belian tanpa GCC yang timbul daripada pelanggaran, kemungkiran, ketidaklaksanaan, salah laku atau kegagalan Pembekal untuk mematuhi obligasinya, menggantung, menyekat, menyenaraihitamkan, membatalkan pendaftaran atau selainnya mengehendkan Pembekal daripada menyertai apa-apa perolehan, tender, sebut harga, urusan penyumberan atau penglibatan kontraktual semasa atau pada masa hadapan dengan TNB, selaras dengan dasar, tatacara dan keperluan perolehan TNB yang terpakai.
- 21. PENYERAHHAKAN DAN SUBKONTRAK**
- 21.1. Pembekal tidak boleh menyerahkan hak atau memindahkan mana-mana hak atau manfaatnya, atau mewakili mana-mana obligasi atau kewajipannya di bawah Pesanan Belian tanpa GCC, secara keseluruhan atau sebahagian, mahupun mensubkontrakkan mana-mana bahagiannya, tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada TNB, yang boleh diberikan atau ditahan menurut budi bicara mutlak TNB.
- 21.2. Jika pensubkontrakkan mana-mana bahagian Pesanan Belian tanpa GCC kepada Subkontraktor dibenarkan secara bertulis oleh TNB, Pembekal hendaklah kekal bertanggungjawab sepenuhnya kepada TNB bagi semua perbuatan, kemungkiran dan peninggalan Subkontraktornya dan Personel mereka berkaitan dengan pelaksanaan Pesanan Belian tanpa GCC. Bagi mengelakkan keraguan, Pembekal hendaklah menanggung rugi dan melindungi TNB, termasuk para pengarah dan pekerjanya, daripada apa-apa tuntutan yang dibuat oleh mana-mana Subkontraktor dan Personelnya yang timbul daripada atau berkaitan dengan pelantikan Subkontraktor tersebut oleh Pembekal.
- 22. PERUBAHAN**
- Tiada pindaan, pengubahsuaian atau perubahan terhadap Pesanan Belian tanpa GCC sah atau mengikat melainkan dipersetujui secara bertulis oleh kedua-dua Pihak. Apa-apa pindaan sedemikian hendaklah merujuk secara nyata kepada Pesanan Belian tanpa GCC.
- 23. PENYELESAIAN PERTIKAIAN**
- 23.1. Jika sesuatu pertikaian dalam apa jua bentuk timbul antara Pihak-Pihak berkaitan dengan atau berbangkit daripada Pesanan Belian tanpa GCC ("**Pertikaian**"), Pihak yang membangkitkan pertikaian hendaklah mengeluarkan suatu notis Pertikaian kepada Pihak yang satu lagi ("**Notis Pertikaian**"). Notis tersebut hendaklah menyatakan butiran Pertikaian. Selepas menerima Notis Pertikaian, Pihak-Pihak hendaklah berusaha untuk menyelesaikan Pertikaian secara baik.
- 23.2. Melainkan Pihak-Pihak bersetuju selainnya, apa-apa prosiding undang-undang hanya boleh dimulakan di mahkamah-mahkamah Malaysia jika penyelesaian secara baik tidak dicapai dalam tempoh enam puluh (60) hari atau apa-apa tempoh lanjutan lain yang dipersetujui bersama secara bertulis oleh Pihak-Pihak. Syarat dalam Klausula 23.1 ialah suatu syarat terdahulu kepada hak Pihak-Pihak untuk memulakan prosiding undang-undang di mahkamah-mahkamah Malaysia.
- 24. UNDANG-UNDANG YANG MENTADBIR DAN BIDANG KUASA**
- Pesanan Belian tanpa GCC hendaklah dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Pihak-Pihak tunduk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia, melainkan dinyatakan selainnya.
- 25. TANDATANGAN ELEKTRONIK**
- Pesanan Belian dijana oleh sistem dan tidak memerlukan apa-apa tandatangan bagi kesahan atau kebolehuatkuasaannya. Jika mana-mana dokumen yang berkaitan dengan Pesanan Belian tanpa GCC memerlukan penyempurnaan oleh salah satu atau kedua-dua Pihak, Pihak-Pihak bersetuju bahawa dokumen tersebut boleh disempurnakan melalui tandatangan elektronik, dan apa-apa tandatangan elektronik yang digunakan sedemikian hendaklah mempunyai kesan undang-undang dan kesahan yang sama seperti tandatangan tulisan tangan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

LAMPIRAN 1

(Klausu 1.1(e))

Bagi maksud Lampiran 1 ini dan Garis Panduan HSE TNB untuk Kontraktor yang diperbadankan di dalamnya, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa rujukan kepada "Kontraktor" hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada "Pembekal", dan apa-apa rujukan kepada "Pelanggan" hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada "TNB", sebagaimana yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Pesanan Belian.

Kontraktor hendaklah menerima dan mematuhi Garis Panduan HSE Pelanggan (**HSEG01**) sebagaimana yang dinyatakan di bawah. Walau apa pun keperluan di bawah Garis Panduan HSE Pelanggan, sekiranya Personel Kontraktor dikehendaki berada di premis atau pejabat Pelanggan, Personel Kontraktor hendaklah menjalani ujian COVID-19 dan keputusan ujian tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pelanggan sebagai bukti bahawa Personel Kontraktor bebas daripada virus COVID-19 sebelum memasuki premis atau pejabat Pelanggan.

Sehubungan dengan perkara di atas, apa-apa kos berkaitan dengan ujian COVID-19, termasuk kos pengangkutan yang ditanggung sekiranya Personel Kontraktor ditempatkan di luar pesisir dan dikehendaki menjalani ujian COVID-19, hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Kontraktor.

HSE GP-01

GARIS PANDUAN HSE TNB UNTUK KONTRAKTOR

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disalin, disimpan dalam mana-mana sistem perolehan semula atau dihantar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara – elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau selainnya – tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Tenaga Nasional Berhad.

Semakan 2 (Januari 2018)

1.0 TUJUAN

Tujuan Garis Panduan ini adalah bagi memastikan setakat yang praktik kontraktor dan / atau sub-kontraktor untuk mematuhi peraturan berkaitan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar (HSE) dan bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesihatan semua pekerjaannya dan orang lain yang secara langsung atau tidak langsung yang terlibat dengan kerjanya.

2.0 PENGENALAN

Garis Panduan ini telah disediakan bagi memastikan semua kontraktor TNB, sub-kontraktor dan pekerja mereka mematuhi keperluan perundangan, peraturan, pekeliling dan prosedur TNB yang berkaitan dengan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar (HSE).

Sebelum memulakan kerja di tapak, kontraktor perlu mengenalpasti semua hazard, risikonya kepada pekerja dan kesan alam sekitar yang mungkin timbul dari aktiviti kerjanya. Kontraktor perlu mengambil tindakan untuk mengawal bahaya/impak tersebut dengan berkesan sebelum memulakan atau semasa menjalankan kerja di tapak.

Sebarang peraturan yang disediakan dan dikuatkuasakan oleh TNB hendaklah diterima pakai oleh kontraktor yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa arahan ini difahami dan dipatuhi oleh pekerja kontraktor dan subkontraktor di tapak. Kontraktor juga perlu untuk memastikan bahawa semua sub-kontraktor dibawahnya mematuhi garis panduan ini.

Kontraktor utama dianggap bertanggungjawab terhadap mana-mana sub-kontraktor yang diambil bekerja olehnya walaupun tanpa apa-apa kontrak formal.

Semua kontraktor hendaklah maklum bahawa harga tender mereka adalah termasuk semua perbelanjaan bagi mematuhi sepenuhnya syarat yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini.

Kontraktor hendaklah bertanggungjawab dan hendaklah menanggung kerugian TNB terhadap mana-mana liabiliti, kehilangan, tuntutan atau prosiding yang berbangkit di bawah mana-mana statut atau undang-undang di pihaknya atau di pihak sub-kontraktor dibawahnya berkenaan dengan kecederaan diri atau kematian sesiapa sahaja atau kerosakan kepada mana-mana harta yang berbangkit daripada, dalam perjalanan atau disebabkan sedang menjalankan kerja-kerja, melainkan disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau pengabaian TNB.

Semua klausa dalam dokumen ini adalah rasional. Walau bagaimanapun, beberapa fasal boleh dikecualikan, tertakluk kepada budi bicara oleh TNB.

3.0 DEFINISI

Antara definisi yang berkaitan untuk terma atau perkataan yang digunakan dalam dokumen ini adalah seperti dibawah. Semua definisi lain yang tidak disebut perlu dirujuk kepada pihak TNB dari masa kesemasa.

"KEMALANGAN" ertinya kejadian yang berlaku-

- menyebabkan kecederaan; atau
- Dalam keadaan yang berbeza, yang mungkin telah menyebabkan sesiapa sahaja orang yang akan mencederakan.

"DILULUSKAN" perakuan oleh SIRIM atau mana-mana badan akreditasi antarabangsa yang lain.

"KONTRAKTOR" ertinya seseorang yang dilantik oleh TNB (selain daripada sebagai majikan) untuk melakukan apa-apa kerja untuk memperoleh keuntungan atau ganjaran.

"PERSONNEL KONTRAKTOR" ertinya pekerja dan ejen-ejen yang bekerja oleh kontraktor atau sub-kontraktor untuk melakukan kerja untuk memperoleh keuntungan atau ganjaran.

"BAHAYA" ertinya keadaan, peristiwa, kejadian, fenomena, proses atau bahan (sama ada di dalam atau di luar tempat kerja) yang adalah punca sebenar atau potensi bahaya; dan "berbahaya" mempunyai erti yang sama.

"MESIN" ertinya enjin, motor, atau perkakas lain yang menyediakan tenaga mekanikal yang diperolehi daripada udara termampat, pembakaran bahan api, elektrik, gas, produk gas, jahitan, air, angin atau mana-mana sumber lain dan termasuk: -

- Apa-apa penjaan oleh atau kepada mana-mana gerakan apa-apa jentera dihantar; dan
- Sebuah mesin mengangkat, kenderaan mengangkat, mesin yang kuasa motif sepenuhnya atau sebahagiannya dihasilkan oleh tubuh manusia dan traktor.

"PLANT" termasuklah-

- perkakas, peralatan, pemasangan, perabot, perkakas, mesin, jentera, peralatan dan kenderaan.
- Sebahagian daripada apa-apa loji, kawalan mana-mana loji dan apa-apa yang berkaitan dengan sebarang penjaan.

"RISIKO" ertinya kegagalan yang mungkin terjadi secara tidak sengaja yang akan memberi kesan kepada objektif. Ia juga boleh bermakna kesan yang tidak dapat dijangka, dalam pelbagai pendedahan yang berpotensi, yang timbul daripada gabungan impak dan kebarangkalian peristiwa yang berlaku.

"SELAMAT" bermaksud –

- Tidak terdedah kepada sebarang bahaya berhubung dengan seseorang; dan
- Bebas daripada bahaya dalam setiap lain-lain kes, dan "tidak selamat" dan "selamat" mempunyai makna yang sama.

"SUB-KONTRAKTOR" ertinya mana-mana orang yang terlibat (selain daripada pekerja) oleh mana-mana kontraktor atau sub-kontraktor untuk melakukan apa-apa kerja untuk keuntungan

"TAPAK" bermaksud –

- Seluruh kawasan tanah di bawah pengawalan pengilang dan termasuk dermaga, jeti atau struktur yang serupa, sama ada terapung di atas air atau sebaliknya; atau
- Struktur A, sama ada terapung di atas air atau sebaliknya, yang berada di bawah kawalan pengilang.

"JENTERA" bermaksud talian paip, trak, selinder gas, bekas udara, jentera pengangkat dan takal pengangkat, jentera bergerak, peralatan pengendalian bahan, peralatan bagi menuang, memotong, menimpal dan penyemburan yang menggunakan gas mampat, kecuali:

- Jentera yang digunakan untuk mendorong kenderaan lain kecuali dandang stim dan enjin
- Jentera yang menggunakan tenaga manusia kecuali jentera mengangkat
- Jentera pejabat.

4.0 PERUNDANGAN

Dalam melaksanakan kerja-kerja TNB, pihak kontraktor hendaklah mematuhi semua Akta, Peraturan-Peraturan, kod amalan, garis panduan atau arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak penguatkuasa dan Prosedur, pekeliling atau arahan yang dikeluarkan oleh TNB, yang tersenarai dibawah tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- a) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1990 dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya
- b) Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya
- c) Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya
- d) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994.
- e) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya
- f) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya
- g) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1983.
- h) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.
- i) Akta Pengangkutan Jalan 1958.
- j) Akta Pekerjaan 1955

5.0 TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR

5.1 Dasar Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

Kontraktor (syarikat) dikehendaki mengadakan Pernyataan Dasar (*Policy Statement*) mengenai Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar di tempat kerja. Polisi ini mesti disampaikan kepada semua pekerja dan difahami.

5.2 Mengenalpasti hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) / Analisa Kerja Selamat (JSA) / Method Statement

Kontraktor hendaklah menyediakan *HIRARC / JSA / Method Statement* untuk semua aktiviti di tapak kerja. *HIRARC / JSA / Method Statement* hendaklah disimpan di tempat kerja dan dirujuk apabila menjalankan kerja-kerja. *HIRARC* yang dibangunkan hendaklah mengikut Garis Panduan JKPP bagi Pengenalpastian Bahaya, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (*HIRARC*) 2008.

5.3 Latihan Induksi Keselamatan

Kontraktor hendaklah memastikan bahawa semua pekerja mereka telah menghadiri latihan induksi Keselamatan sebelum memulakan kerja di dalam premis TNB. Terdapat 2 jenis program Keselamatan Induksi yang diperlukan

a) *NIOSH TNB Safety Passport (NTSP) / TENAGA Safety Passport (TSP)*

Semua pekerja kontraktor termasuk sub-kontraktor hendaklah menghadiri program latihan NTSP/TSP dan mempunyai kad NTSP/TSP yang sah. Semua kos yang berkaitan dengan latihan NTSP/TSP hendaklah ditanggung oleh kontraktor. Walau bagaimanapun, NTSP/TSP boleh dikecualikan kepada pekerja tertentu sebagaimana pekeliling TNB.

b) *Kad Hijau CIDB*

Semua pekerja kontraktor termasuk sub-kontraktor yang terlibat di kawasan pembinaan hendaklah mempunyai Kad Hijau CIDB yang sah sebagaimana Seksyen 33 Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520). Semua kos berkaitan dengan Kad Hijau CIDB hendaklah ditanggung oleh kontraktor.

5.4 Promosi HSE

Kontraktor hendaklah sentiasa mengadakan promosi dan peringatan berkenaan HSE seperti dalam poster, banner, notis, peti cadangan, taklimat, ceramah, video dan lain-lain untuk meningkatkan kesedaran HSE di kalangan pekerja.

5.5 Kontraktor Untuk Mematuhi Undang-Undang Dan Lain-Lain

- a) Tanggungjawab kontraktor bukan sahaja untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerjanya tetapi juga tugas itu dilanjutkan kepada sub-kontraktornya, dengan mematuhi segala Akta dan peraturannya, dan juga pekeliling atau arahan TNB.
- b) Di bawah Seksyen 15 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja kepada semua pekerjanya.
- c) Kontraktor dan sub-kontraktor hendaklah mengambil maklum dan menjadikan diri mereka sedar mengenai tanggungjawab dan liabiliti yang dilindungi di dalam syarat-syarat kontrak mereka.

5.6 Liabiliti Kontrak

- a) Semua perbelanjaan berkaitan dengan HSE hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor. Apa-apa penalti akibat kecuaihan dan/atau kegagalan mematuhi akta dan peraturan tertentu adalah menjadi tanggungjawab pihak kontraktor.
- b) Apa-apa gangguan dan kelewatan bekerja kerana kematian, kemalangan, kecederaan atau *near miss* melibatkan pekerja kontraktor dan/atau sub-kontraktor dan/atau orang awam di mana proses siasatan dijalankan atau berhenti arahan kerja yang dikeluarkan oleh TNB atau pihak berkuasa; semua kos itu akan ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor.

5.7 Keperluan Kompetensi

Kontraktor hendaklah memastikan pekerja mereka dan sub-kontraktor hendaklah mempunyai Sijil kekompetenan yang sah untuk kerja atau khidmat seperti yang ditetapkan oleh undang-undang atau TNB, tetapi tidak terhad kepada:

- a) Penjaga Jentera (Chargeman)
- b) Penyelia Keselamatan Tapak (Site Safety Supervisor)
- c) Orang Kompeten bagi Perancah
- d) Orang Kompeten bagi Operator Kren Bergerak (Mobile Crane)
- e) Penguji Gas Bertauliah untuk Ruang Terkurung
- f) Pencantum Kabel, dll

6.0

LIFE-SAVING RULES

Life Saving Rules (LSR) terdiri dari sembilan (9) peraturan yang direkabentuk secara khusus dan diberikan status istimewa kerana ianya amat penting untuk mengelakkan kecederaan serius dan kemalangan maut. Kegagalan mematuhi LSR ini akan membolehkan tindakan tegas diambil termasuk ditamatkan kontrak dan menyenarai hitam lembaga pengarah syarikat.

6.1 Life Saving Rules

Terdapat Sembilan (9) peraturan LSR. Peraturan ini dibahagikan kepada dua iaitu:

- Peraturan Utama (Core Rules)
- Peraturan Tambahan (Supplementary Rules)

6.2 Peraturan Utama :

- Asingkan, bumikan dan uji sebelum sentuh.
- Pakai Arc Flash Suit semasa melakukan pensuisan.
- Wajib ada permit kerja yang sah.

6.3 Peraturan Life Saving Rules

- Gunakan Kelengkapan Perlindungan Diri daripada jatuh.
- Dapatkan kebenaran sebelum memasuki ruang terkurung.
- Pakai topi / tali pinggang keledar. Dilarang memecut.
- Dilarang menggunakan telefon semasa memandu.
- Awas beban tergantung.
- Bebas dadah Bebas Alkohol.

Sila rujuk Gambarajah 1 dibawah :

Gambarajah 1 :



7.0

KAWALAN DAN PENGAWASAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN

7.1 Pendaftaran tapak kerja

Setiap operasi pembinaan dan kerjabina kejuruteraan hendaklah menyerahkan notis bertulis dengan menggunakan Borang JKJ 103 kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Walaubagaimanapun notis ini dikecualikan jika:

- Kerja pembinaan tersebut tidak melibatkan jentera
- Jangkamasa kerja tersebut dipercayai tidak melebihi 6 minggu

7.2 Penyelia Keselamatan Tapak bina (Site Safety Supervisor)

Kontraktor itu hendaklah melantik seorang penyelia keselamatan tapakbina (SSS) yang berkeelayakan yang perlu berada ditapak sekurang-kurangnya 15 jam seminggu untuk mengawasi keselamatan dan menggalakkan tatakerja selamat di tapak bina tersebut.

Sub-kontraktor yang mempunyai lebih dari 20 orang pekerja perlu melantik penyelia keselamatan kontraktor yang mana perlu berada ditapak sekurang-kurangnya 5 jam seminggu untuk mengawasi keselamatan dan menggalakkan tatakerja selamat pekerjaanya di tapak bina tersebut.

7.3 Pegawai Kesihatan Dan Keselamatan

Jika kontrak pembinaan yang bernilai lebih daripada RM20 juta, kontraktor hendaklah menyediakan sepenuh masa Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) yang berdaftar dengan JKKP di tapak pembinaan seperti ditetapkan dibawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997.

7.4 Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan

Tiap-tiap kontraktor mempunyai 40 pekerja atau lebih hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan sebagaimana keperluan di bawah Seksyen 30 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan hendaklah dijalankan tidak kurang daripada sekali dalam tempoh tiga bulan untuk membincangkan isu-isu berkenaan HSE bersama pekerja di tapak sebagai salah satu keperluan di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996.

7.5 Pemberitahuan Insiden

Kontraktor hendaklah segera memaklumkan secara bertulis insiden berikut kepada TNB:

- a) Kemalangan
- b) Kejadian Berbahaya
- c) Kebakaran
- d) Penyakit Pekerjaan / keracunan
- e) Nyaris kemalangan (Near miss)
- f) Kerosakan kepada hartabenda TNB
- g) Pencemaran alam sekitar

Kontraktor juga bertanggungjawab untuk memaklumkan insiden yang berkaitan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya Penyakit Pekerjaan, Keracunan Pekerjaan) 2004.

Laporan hendaklah juga dibuat untuk pihak berkuasa lain yang berkaitan seperti Suruhanjaya Tenaga, Polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), jika berkenaan.

Laporan awal terperinci hendaklah dikemukakan kepada TNB dalam tempoh 24 jam selepas kejadian tersebut. Kontraktor hendaklah mengemukakan laporan penuh dalam masa 5 hari.

Dalam apa-apa jenis kemalangan maut, kebakaran besar atau bencana, kontraktor hendaklah dengan segera mengaktifkan Pelan Tindakan Kecemasan.

7.6 Pengauditan Program Pengurusan HSE Untuk Kontraktor

Pengauditan berkala bagi program pengurusan HSE untuk Kontraktor dan Sub-kontraktor akan dijalankan oleh wakil TNB dari masa kesemasa. Kontraktor dan pekerja-pekerjanya hendaklah membiasakan diri dengan sistem pengurusan HSE TNB yang digunakan dalam menguruskan HSE di tempat kerja.

8.0 SYARAT KERJA

- a) Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk mengatur sebarang dokumen yang difikirkan perlu bagi kemasukan pekerja asing dan permit kerja untuk bekerja di Malaysia sebagaimana Akta Imigresen 1956.
- b) Kontraktor perlu memenuhi semua tanggungjawab berkenaan dengan syarat kerja, kemudahan di tapak kerja, selaras dengan tanggungjawab yang dikenakan ke atasnya bagi ah mematuhi keperluan Akta Pekerjaan 1955 dan Peraturan-Peraturan Berkanun lain.
- c) Kontraktor itu hendaklah bertanggungjawab berkenaan disiplin dan semua pekerjaanya dan sub-kontraktor yang telah diambil bekerja di tapak.

9.0 LANGKAH-LANGKAH KAWALAN KESELAMATAN

9.1 Pengawal Keselamatan

- a) Mengikut keperluan, kontraktor hendaklah mengambil pengawal keselamatan dengan sebuah syarikat keselamatan berlesen. Semua keperluan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai perkara-perkara kawalan keselamatan mesti dipatuhi pada setiap masa.
- b) Pondok pengawal hendaklah disediakan jika diperlukan. Pondok Pengawal hendaklah dilengkapi dengan kemudahan asas seperti air, bekalan kuasa, sistem komunikasi, tandas, dan lain-lain.

9.2 Pengenalan Diri Pekerja dan Pas Keselamatan

- a) Semua pekerja hendaklah mempunyai pas keselamatan dikeluarkan oleh TNB jika bekerja dikawasan tertentu TNB dan perlu ditunjukkan jika diminta berbuat demikian. Pas perlu diserahkan kepada TNB oleh setelah selesai kerja. Jika tidak, kontraktor hendaklah dikenakan penalti.
- b) Bagi tujuan mengeluarkan pas keselamatan (jika perlu), kontraktor dikehendaki mengemukakan semua butir-butir pekerjaanya (termasuk sub-kontraktor) terlebih dahulu sebelum kerja bermula. Butir-butir yang diperlukan adalah seperti berikut:
 - i. Nama penuh,
 - ii. Nombor kad pengenalan (untuk warganegara), atau nombor pasport yang sah dan nombor permit kerja yang sah (bagi bukan warganegara),
 - iii. Tarikh lahir,
 - iv. Alamat kediaman semasa
 - v. nombor telefon (jika ada),

9.3 Laluan Keluar dan Masuk

Jika bekerja dalam premis TNB, semua pekerja dan kenderaan yang digunakan tertakluk kepada pemeriksaan keselamatan oleh anggota keselamatan.

10.0 PENGGUNAAN KENDERAAN BERMOTOR

- a) Semua pemandu memandu secara berhemah didalam premis TNB dan perlu mematuhi had kelajuan yang ditetapkan. Kenderaan hendaklah diletak di tempat letak kenderaan yang telah disediakan.
- b) Kenderaan yang dibenarkan masuk untuk penghantaran peralatan atau bahan, tidak boleh diletakkan di sesuatu kawasan pembinaan atau menghalang mana-mana peralatan memadam kebakaran.

- c) Semua kenderaan yang digunakan untuk kerja-kerja pembinaan hendaklah selamat untuk digunakan dan berada dalam keadaan yang baik. Apabila tidak digunakan, ia mesti diletakkan dalam kedudukan *reverse* pada setiap masa.
- d) Kontraktor hendaklah memastikan pekerja mereka menggunakan tali pinggang keledar semasa memandu atau memakai topi keledar semasa menunggang di premis TNB.

11.0 PEMAGARAN (HOARDING) & PAGAR

Mengikut keperluan, kontraktor hendaklah memastikan bahawa *hoarding* yang betul dan pagar didirikan sebelum permulaan kerja tapak. Lampu perimeter yang mencukupi bagi tujuan rondaan juga hendaklah disediakan (jika perlu). *Hoarding* dan pagar hendaklah sentiasa dipantau.

12.0 PENGENDALIAN ALAT DAN KELENGKAPAN

- a) Semua peralatan yang dibawa masuk ke tapak hendaklah mematuhi Bahagian XVI, Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-kerja Kejuruteraan Pembinaan) (Keselamatan) 1986.
- b) Kontraktor hendaklah mengisytiharkan semua peralatan dan kelengkapan yang hendak dibawa masuk ke tapak. Hanya peralatan yang diisytiharkan sahaja boleh dibawa keluar dari tapak.
- c) Peralatan, alat atau bahan-bahan yang dibenarkan oleh penyelia TNB hendaklah menjalani pemeriksaan keselamatan apabila memasuki dan meninggalkan tapak.
- d) Kontraktor yang membawa peralatan sendiri adalah dibawah tanggungjawabnya sendiri. TNB tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada peralatan kontraktor yang disimpan dalam premis TNB.
- e) Semua alatan dan kelengkapan perlu berada dalam keadaan yang selamat dan baik. TNB berhak untuk memeriksa dan menolak alatan atau kelengkapan tersebut jika didapati tidak selamat.
- f) Bahan-bahan, jentera atau alat-alat dan lain-lain yang dimiliki oleh TNB perlu diberitahu kepada Pengurus tapak/penyelia TNB sebelum dibawa keluar dari premis TNB atau untuk tujuan penyimpanan oleh kontraktor.
- g) Kontraktor tidak dibenarkan untuk mengendalikan atau mengubah mana-mana peralatan atau radas yang dimiliki oleh TNB tanpa kebenaran terlebih dahulu.

13.0 KEKEMASAN TEMPAT KERJA

Kekemasan tempat kerja yang baik meningkatkan persekitaran kerja. Keadaan kerja yang menyenangkan akan memberi motivasi kepada pekerja untuk lebih cekap dan produktif.

13.1 Penyimpanan Bahan dan Peralatan.

- a) Kontraktor hendaklah menanggung semua kos penyimpanan, pemunggahan dan penyimpanan bahan dan peralatan.
- b) Kontraktor hendaklah menyediakan kawalan keselamatan dan perlindungan untuk bahan-bahan dan peralatan mereka. TNB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan dan kerosakan kepada bahan-bahan atau peralatan tersebut.
- c) Semua bahan hendaklah disimpan atau disusun dengan cara yang selamat dan teratur supaya tidak menghalang mana-mana laluan atau tempat kerja atau menimbulkan bahaya kepada pekerjaanya.
- d) Bahan-bahan atau kelengkapan tidak boleh disimpan dilantai atau platform melebihi bebanan selamat dan tidak boleh disimpan atau diletakkan begitu dekat dengan mana-mana tepi lantai atau platform, yang mana boleh membahayakan seseorang di bawah.
- e) Kontraktor hendaklah memastikan semua cat, pelarut (thinner) atau bahan kimia lain dalam kuantiti yang kecil untuk kegunaan di tapak kerja. Bahan-bahan tersebut mesti dikeluarkan dan disimpan di tempat penyimpanan yang betul selepas tamat kerja.

13.2 Membersih buangan atau sisa

Kontraktor hendaklah mengeluarkan semua sampah pada setiap hari bekerja. Serpihan atau bahan yang tidak dikehendaki hendaklah dibuang melalui kaedah yang tidak merbahaya kepada manusia dan tidak merosakkan alam sekitar. Pembakaran terbuka adalah dilarang.

13.3 Pencegahan air bertakung

- a) Kontraktor itu hendaklah memastikan keseluruhan tapak kerja bersaliran baik sepanjang tempoh kontrak. Kontraktor hendaklah mengepam keluar air yang berlebihan dari tapak kerja apabila pembinaan sedang dijalankan.
- b) Tempat kerja hendaklah bebas daripada pembiakan nyamuk pada setiap masa. Sekiranya terdapat apa-apa kejadian kes penyakit dari nyamuk atau penyakit bawaan makhluk perosak, kontraktor adalah bertanggungjawab mengambil tindakan untuk memulihkan keadaan dengan segera.

14.0 KEMUDAHAN TAPAK KERJA

14.1 Kebersihan diri & Kemudahan Lain

- a) Kontraktor dikehendaki menyediakan kemudahan bilik air dan mengekalkan kebersihan kemudahan tersebut termasuk tandas mudah alih, jika tempoh kontrak melebihi 1 bulan dan/atau melebihi 15 orang pekerja
- b) Jika stesen/premis TNB telah menyediakan kemudahan bilik air, kontraktor dikehendaki menyumbang kepada pembaikan dan penyelenggaraan kemudahan itu.
- c) Bekalan air minuman yang bersih dan mencukupi hendaklah disediakan oleh kontraktor kepada pekerja-pekerjanya.

14.2 Kemudahan Kantin

- a) Tiada makanan atau minuman boleh dibawa di dalam kawasan kerja. Minuman beralkohol dan dadah berbahaya adalah dilarang sama sekali di premis pembinaan. Memiliki barangan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan.
- b) Kantin TNB mungkin disediakan kepada pekerja kontraktor dengan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak TNB. Kontraktor hendaklah memastikan bahawa pekerja-pekerja dalam keadaan bersih apabila memasuki kantin TNB.
- c) Kontraktor mungkin dikehendaki menyediakan kantin sendiri jika perlu, berdasarkan tempoh projek.

14.3 Kawasan Rehat

Kontraktor hendaklah menyediakan tempat yang sesuai dan selamat untuk pekerjaanya berehat semasa waktu rehat.

14.4 Surau

Surau TNB mungkin disediakan untuk pekerja yang beragama Islam untuk menunaikan solat. Tidak dibenarkan tidur atau melepak didalam surau dan kebersihan surau hendaklah diutamakan pada setiap masa.

14.5 Kemudahan Pertolongan Cemas

Kontraktor hendaklah menyediakan Kemudahan Pertolongan Cemas seperti *First Aid Box* yang mencukupi termasuk pasukan pertolongan cemas yang terlatih untuk pekerjaanya mengikut peraturan 38, Peraturan-Peraturan Kilang & Jentera (Keselamatan Kesihatan & Kebajikan) 1970.

15.0 PERMIT MENJALANKAN KERJA (PTW) KONTRAKTOR

- a) Terdapat pelbagai jenis permit yang dikeluarkan kepada kontraktor. Kontraktor hendaklah mencalonkan seorang orang kompeten untuk tujuan menerima Permit Kerja dari pihak TNB. Permohonan bagi apa-apa Permit Kerja hendaklah mengikut prosedur dan garis panduan TNB yang telah ditetapkan.
- b) Kontraktor hendaklah mempunyai Permit Kerja yang sah pada setiap masa sepanjang tempoh kerja, dan hendaklah mengemukakan nya apabila diminta oleh pihak TNB.

15.1 Kerja Elektrik / Bukan Elektrik

- a) Kontraktor hendaklah memohon untuk 'Permit Kerja (PTW)' sebelum bekerja di mana-mana pemasangan elektrik atau pemasangan bukan elektrik seperti kerja-kerja awam, kerja-kerja penyelenggaraan dan lain-lain.
- b) Kontraktor hendaklah mematuhi semua langkah berjaga-jaga keselamatan seperti yang dinyatakan dalam "Permit Kerja " yang dikeluarkan kepadanya.

15.2 Kerja Ruang Terkurung

- a) Kontraktor hendaklah memohon untuk "Permit Memasuki Ruang Terkurung" sebelum menjalankan kerja-kerja dalam ruang terkurung seperti tangki, dandang, pengering, silinder, saluran bawah tanah dan mana-mana tempat lain yang difikirkan perlu oleh TNB.
- b) Kontraktor hendaklah mematuhi semua keperluan HSE sebagaimana yang dinyatakan dalam Kod Amalan untuk bekerja di dalam ruang terkurung yang dikeluarkan oleh JKPP.
- c) Kontraktor hendaklah mempamerkan "Permit Memasuki Ruang Terkurung" yang mudah dilihat di tapak kerja sepanjang tempoh kerja.

15.3 Kerja-kerja Panas (Hot Work)

- a) Kontraktor hendaklah memohon untuk "Hot Work Permit" dari Orang TNB yang diberi kuasa sebelum menjalankan apa-apa kerja panas termasuk kimpalan, memotong, pateri atau apa-apa operasi atau proses yang menggunakan atau menjana haba.
- b) Kontraktor hendaklah mematuhi semua langkah-langkah keselamatan yang dinyatakan dalam "Hot Work Permit" yang dikeluarkan kepadanya.
- c) Kontraktor hendaklah mempamerkan "Hot Work Permit" yang mudah dilihat di tapak kerja sepanjang tempoh kerja.

16.0 KESELAMATAN ELEKTRIK

- a) Kontraktor hendaklah mematuhi segala keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, *IEE Wiring Regulation* dan Aturan Keselamatan Elektrik TNB bagi apa-apa kerja yang berkaitan dengan elektrik di mana-mana pemasangan atau sistem elektrik TNB. Kerja-kerja ini mesti dilakukan oleh pekerja yang berkecekapan.
